

Penerapan Nilai Dalam PdP Peribahasa

Rashidah Mohamad Yaakob

rashidah_mohamad_yaakob@schools.gov.sg

Fadilah Mohamed

fadilah_mohamed@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Unity

Abstrak

Kajian yang dijalankan ini bertujuan membina minat para pelajar memahami dan mengaplikasi peribahasa dalam penggunaan harian. Para pelajar didapati kurang menggunakan peribahasa dalam perbualan mahupun dalam karangan. Oleh yang demikian, keinginan untuk memupuk rasa cinta terhadap budaya melalui peribahasa dan sekali gus menyedarkan pelajar bahawa peribahasa masih relevan pada abad ke-21 menjadi perkara penting. Dengan menggunakan isu semasa sebagai penerangan dan kaedah memberikan perincian aspeknilai yang terkandung dalam peribahasa, diharapkan dapat memudahkan pemahaman dan penghafalan peribahasa. Dalam masa yang sama, pengkaji juga mahu menjadikan pengajaran peribahasa ini sesuatu yang menarik dan tidak membosankan dengan menggunakan alat anotasi yang terdapat di dalam portal iMTL. Para pelajar dapat berkolaborasi semasa melakukan tugas yang diberikan dan juga saling menilai kerja-kerja rakan mereka melalui penggunaan portal tersebut. Pengkaji berharap pelajar akan lebih berkemampuan menggunakan peribahasa bukan setakat di dalam kelas sahaja tetapi dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci: nilai, peribahasa, pemahaman, budaya, portal iMTL.

PENGENALAN

Setiap bangsa mempunyai peribahasa yang mencerminkan kebudayaan bangsanya. Dalam peribahasa Melayu, terpancar hubungan antara bahasa dengan pemikiran orang Melayu pada ketika itu. Cara orang Melayu mengaitkan kehidupan harian mereka tersimpul dalam peribahasa karya nenek moyang kita.

Menurut Za'ba (1962), peribahasa berfungsi sebagai:

1. penghias penulisan dan percakapan;
2. penguat tujuan karangan atau percakapan; dan
3. boleh dijadikan pedoman hidup kerana isinya yang besar dan luas.

Guru Bahasa Melayu setempat sering tercabar ketika mengajar peribahasa. Hal ini disebabkan para pelajar seringkali menghafal peribahasa tanpa mengetahui konteks, nilai dan cara menggunakanannya. Mereka menyimpulkan bahawa pembelajaran peribahasa hanya membuang masa kerana mereka tidak perlu menggunakan peribahasa tersebut. Parap pelajar tidak sedar bahawa banyak perkara termasuk falsafah, sejarah, perwatakan masyarakat dan sebagainya boleh dipelajari melalui peribahasa. Justeru, peribahasa dianggap antara warisan budaya Melayu yang wajib kita lestarikan.

PERNYATAAN MASALAH

Para pelajar sering menganggap pembelajaran peribahasa membebankan. Hal ini berlaku kerana mereka perlu menghafal sejumlah 80 peribahasa. Perkara ini diburukkan lagi dengan ketidakupayaan pelajar mengaitkan kebanyakan peribahasa tersebut dengan kehidupan mereka zaman ini. Banyak kosa kata, metafora dan analogi yang digunakan oleh masyarakat zaman dahulu tidak dapat difahami oleh para pelajar. Mereka menganggap peribahasa adalah sesuatu perkara yang ketinggalan zaman.

Para pelajar perlu sedar bahawa bahasa dan budaya amat berkait rapat. Jika kita dapat menggunakan peribahasa dalam perbualan sehari-hari atau dalam penulisan, hal ini dapat menyerlahkan penguasaan bahasa kita. Lebih-lebih lagi budaya Melayu amat menitikberatkan aspek kesantunan ketika berhubung dengan orang lain. Dengan menggunakan peribahasa, kita akan dapat bertutur dengan santun sekali gus melambangkan budaya Melayu yang berhemah tinggi. Oleh itu, para guru perlu mengorak langkah memikirkan pendekatan dan strategi yang sesuai untuk generasi zaman ini mempelajari peribahasa.

TUJUAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk:


1. memudahkan pemahaman dan penghafalan peribahasa dengan menggunakan kaedah pengkategorian nilai yang terdapat dalam peribahasa;
2. memupuk rasa cinta terhadap pembelajaran peribahasa; dan
3. menyedarkan para pelajar bahawa pembelajaran peribahasa masih relevan pada abad ke-21 dengan menggunakan isu semasa sebagai penerangan.

KAJIAN LEPAS

Dalam Seminar Pelan Kerja, Kementerian Pendidikan, 2013 (*MOE Workplan Seminar, 2013*) , Mantan Menteri Pendidikan Encik Heng Swee Kiat telah mengatakan bahawa para pelajar zaman ini akan menghadapi dunia yang sangat mencabar. Hal ini disebabkan sifat VUCA dunia pada masa hadapan. Sifat ini merujuk kepada keadaan dunia yang tidak menentu, sentiasa bergolak, kompleks dan samar. Justeru, sebagai persediaan untuk menghadapi dunia yang sedemikian, pendidikan perlulah berpusatkan kepada pelajar dan berteraskan nilai.

Pendekatan MOE dalam menangani isu ini jelas tergambar dalam kerangka Kecekapan Abad ke-21.. Berdasarkan rangka ini, nilai teras menjadi tunjang kemahiran-kemahiran lain.

Rajah 1: Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pendidikan yang Diingini



Nilai murni perlu dijadikan nilai teras yang diterapkan dalam kurikulum dan segala bentuk pendidikan, baik yang formal ataupun tidak. Pihak sekolah sewajarnya menyemai dan mengukuhkan pemupukan nilai murni bagi melahirkan warganegara yang berakhhlak dan bertamadun. Sesungguhnya, nilai murni menjadi tonggak nilai kemanusiaan yang mampu membentuk pembinaan sahsiah (Azizul Rahman, 2009).

Prinsip ini juga selaras dengan Falsafah Pendidikan Singapura yang percaya pada pendidikan holistik dan pembangunan watak. Bagi merealisasikan matlamat pendidikan di Singapura, kurikulum direka dengan memberi penekanan dalam pembangunan watak, minda dan diri pelajar.

Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE) merupakan pembelajaran nilai di sekolah-sekolah. Nilai-nilai teras seperti hormat-menghormati, bertanggungjawab, daya bingkas, integriti, sifat penyayang dan harmoni merupakan asas bagi seseorang untuk menjadi seorang insan bertanggungjawab dan berbakti kepada masyarakat.

“Our education system must... nurture Singapore citizens of good character, so that everyone has the moral resolve to withstand an uncertain future, and a strong sense of responsibility to contribute to the success of Singapore and the well-being of fellow Singaporeans.”

Encik Heng Swee Keat, Menteri Pendidikan (2013)

Menurut Gorys Keraf (2004), bahasa ialah alat komunikasi yang digunakan oleh anggota masyarakat berupa simbol yang diujarkan.. Walau bagaimanapun, terdapat golongan yang berpendapat bahasa tidak semestinya dianggap sebagai alat berkomunikasi semata-mata kerana komunikasi juga boleh terbentuk melalui isyarat tubuh atau melalui cara lain seperti lukisan, bunyi gendang, asap api dan sebagainya. Namun, bahasa memberikan kemungkinan yang jauh lebih luas dan kompleks daripada yang dapat diperolehi dengan mempergunakan media di atas. Bahasa haruslah merupakan bunyi yang diujarkan. Sebagai alat komunikasi, bahasa terus berubah mengikut perubahan masyarakat.

Bagi golongan yang berpegang kepada teori behaviourisme khususnya B.F Skinner (1974), mereka menganggap bahawa bahasa itu ialah hasil proses pengukuhan dan pelaziman, justeru bahasa ialah satu bentuk kebiasaan. Mereka juga menganggap pemerolehan bahasa ialah satu tingkah laku, iaitu unsur yang sering dilakukan dan boleh berubah.

Namun, Jeniri Amir (2011), menekankan bahawa hubungan bahasa dan nilai budaya adalah simbiotik dan tidak dapat dipisahkan, ibarat sungai dengan airnya. Menurutnya, bahasa, budaya dan nilai berkembang seiring. Contohnya nilai bangsa Melayu dapat dilihat melalui bahasa komunikasi utama mereka. Tepatlah ungkapan, bahasa menunjukkan bangsa.

Awang Sariyan (1992) dalam buku ‘Tikaman Bahasa’ mengajak kita berbangga dengan peribahasa kita sendiri. Menurut beliau, jika tamadun bangsa Cina mempunyai koleksi kata-kata Kung Fu Tze, tamadun Yunani memiliki ungkapan falsafah Socrates, Plato dan Aristotle, bangsa Melayu tidak kurang hebatnya dengan ungkapan falsafah dan kata hikmah yang terdapat dalam peribahasa.

Melalui peribahasa, terpencarnya hubungan antara bahasa dengan pemikiran bangsa Melayu. Cara bangsa Melayu memandang dunianya tersimpul dalam peribahasa yang dicipta mereka. Hal ini menunjukkan kebenaran penyataan hipotesis Sapir-Whorf. Sapir (1921) menjelaskan bahawa bahasa menentukan pemikiran penuturnya. Cara seseorang penutur berfikir dalam bahasanya tergambar menerusi penggunaan sesuatu perkataan itu dengan lebih meluas.

Dalam budaya Melayu, peribahasa memainkan peranan penting untuk membentuk nilai murni dalam kalangan pelajar. Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Singapura. Satu daripada kaedah yang berkesan untuk mengajarkan atau menyampaikan nilai murni kepada pelajar adalah melalui peribahasa Melayu. (Azizul Rahman, 2009) .

KAEDAH KAJIAN

Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam menjalankan kajian ini memberikan penekanan pada penilaian dan maklum balas. Berikut merupakan penerangan proses pengajaran bagi Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas bagi penerapan nilai melalui PdP Peribahasa.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14 : Merangsang minat	<p>AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Cerita dan video digunakan untuk membangkitkan minat pelajar. Penggunaan cerita dan video dapat membantu pelajar menyumbang kepada pembinaan pengalaman pembelajaran mereka. Apabila motivasi pelajar dapat diaktifkan, mereka akan berusaha untuk mengetahui apa yang perlu dipelajari. Pelaksanaan pelajarnya secara ringkas seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Menerangkan objektif pengajaran dan menunjukkan senarai peribahasa yang bakal mereka pelajari. b. Menjalankan aktiviti untuk merangsang minat pelajar dengan menggunakan video sebagai rangsangan dengan strategi Rutin Berfikir-Tumpuan bagi membina pemikiran pelajar secara kritis. c. Mengemukakan soalan dan menggalakkan pelajar terlibat secara aktif dan mahu berkongsi bersama teman.
	AP15: Menggalakkan pelibatan pelajar	<p>AM2: Teroka, Terlibat, Aplikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memadankan peribahasa dengan maknanya. b. Memilih peribahasa yang sudah diajar untuk menjawab soalan peribahasa c. Membina satu perenggan ayat yang mengandungi peribahasa yang dipelajari d. Menggunakan peribahasa dalam penulisan karangan mereka
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas.	<p>AM3: Saya buat, Saya Tahu, Saya Semak</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Guru menggunakan portal iMTL untuk meminta pelajat membuat anotasi dan memuatkan hasil kerja mereka b. Guru meminta pelajar menerangkan peribahasa yang telah mereka pelajari beserta maknanya c. Guru mendapatkan maklum balas pelajar memberikan dengan mendapatkan mereka melengkapkan borang rubrik
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran ini perlu untuk memberi pencernaan kepada para guru yang melakarkan pengajaran agar semua aspek pelaksanaan pelajaran itu dapat digunakan mengikut kesesuaiannya.	



Kajian yang dijalankan berbentuk kajian tindakan. Kajian ini melibatkan pemerhatian guru ke atas proses PdP khususnya dalam lisan dan penulisan bagi pembelajaran peribahasa. Setelah mengenal pasti punca masalah pembelajaran, perancangan dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut. Pendekatan yang sesuai dipilih untuk merangsang pelajar dalam pembelajaran peribahasa.

Subjek Kajian

Subjek kajian ini terdiri daripada 34 orang pelajar Menengah 3 yang merupakan gabungan pelajar tahap praasas kebolehan dan pada aras kebolehan. Terlebih dahulu, mereka telah diajar maksud peribahasa seperti yang terdapat di dalam buku teks.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada latihan karangan, ujian lisan, klip video dan makalah. Fokus perbincangan berpusatkan pada reaksi dan respons pelajar ketika belajar. Hasil pemantauan reaksi dan respons pelajar ini, selain ujian karangan dan lisan, akan digunakan bagi memastikan keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru.

Prosedur Kajian

Guru akan menerangkan matlamat pembelajaran kepada pelajar agar objektif pelajaran akan dicapai secara sedar.

Pada awal pelajaran, guru akan memulakan dengan menayangkan video pendek sebagai induksi. Hal ini dilakukan agar dapat menarik perhatian pelajar dan ini juga membantu pelajar yang visual dan merangsang minat pelajar. Dalam perkembangan pelajaran pula, pengkaji menggunakan pendekatan perancah yang dimulakan dengan mengenal pasti peribahasa apabila maknanya diberikan dan memilih peribahasa bagi melengkapkan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai. Seterusnya, pelajar perlu membina seperenggan ayat dengan menggunakan peribahasa dan akhir sekali mereka dikehendaki mengarang sebuah karangan dengan menggunakan peribahasa yang sesuai dengan tema karangan.

Dalam setiap peringkat pembelajaran, pelajar juga digalakkan menggunakan alat anotasi yang terdapat di dalam portal iMTL. Guru perlu terlebih dahulu menyiapkan tugas dan dimuatnaikkan ke dalam portal agar pelajar dapat menggunakan ketika pelajaran dijalankan di dalam kelas atau pun di luar kelas. Pada akhir pengajaran, guru akan meminta pelajar melengkapkan rubrik penilaian kendiri.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru dan juga rubrik penilaian yang pelajar siapkan pada akhir setiap pelajaran, pelajar didapati semakin memahami makna peribahasa yang telah diajarkan melalui pengajaran peribahasa tersebut. Pelajar rata-rata sudah boleh memahami makna peribahasa dan cara menggunakan peribahasa dalam pembinaan seperenggan karangan. Jadual 2 merupakan dapatan rubrik penilaian yang telah diberikan kepada pelajar pada bahagian penutup pelajaran.. Walaupun ramai pelajar yang menyatakan bahawa mereka faham maksud peribahasa tetapi masih terdapat sebilangan pelajar yang masih memerlukan masa untuk faham dan yakin ketika menggunakan peribahasa dalam karangan.

Jadual 2: Laporan Rubrik Penilaian Kendiri

Bil	Perkara	Sangat Boleh	Boleh	Hampir Boleh	Masih mencuba
1	Saya faham maksud peribahasa dan nilai yang terkandung di dalamnya.	50%	41%	8%	0%
2	Saya boleh kenal pasti makna peribahasa yang diajar.	21%	71%	8%	0%
3	Saya boleh memadankan peribahasa dengan makna yang sesuai.	15%	82%	1%	0%
4	Saya boleh membina seperenggan ayat dengan menggunakan peribahasa.	24%	50%	9%	0%

Jadual 3: Pencapaian Murid Menggunakan Peribahasa dalam Karangan

Kelas	Bilangan	Lulus		Gagal	
		SA1	SA2	SA1	SA2
3E (E,NA,NT)	26	53%	74%	24%	3%
3NA (NA & NT)	8	6%	15%	17%	9%
Jumlah	34	59%	88%	41%	12%

Pada keseluruhannya, pelajar telah menunjukkan kelakonan yang lebih baik pada akhir tahun setelah usaha intervensi dijalankan berbanding dengan kelakonan pada pertengahan tahun.

KESIMPULAN

Setelah menjalankan pengajaran peribahasa ini sebanyak tiga pengajaran sahaja, perkembangan pelajar yang lebih positif. Pelajar menjadi lebih yakin menggunakan peribahasa dalam kemahiran lisan dan penulisan. Pengkaji mencadangkan agar pengajaran peribahasa ini diteruskan pada awal tahun hadapan kepada para pelajar yang sama di Menengah 4 agar pelajar benar-benar dapat memahami dan mengingati nilai yang terkandung dalam setiap peribahasa.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Norafizah Shariff

RUJUKAN

Awang Sariyan (2012) Aspek nilai sebagai komponen teras dalam pendidikan bahasa dan strategi pengajarannya (ucaptama). PPZ. Koleksi Persidangan.

Azizul Rahman Abdul Rahman. PB Julai 2009, Nilai murni dalam Peribahasa Melayu Awang Sariyan 1992, Tikaman Bahasa. Mohd Adnan Mohd Ariffin (penyelenggara) KL DBP.

Jenri Amir. Ibarat sungai dengan airnya. <https://issuu.com/dewanbudaya/doc/majalah Februari 2015>.

Keynote Address by Mr Heng Swee Keat, Minister for Education, at the Ministry of Education Work Plan Seminar 2013, on Wednesday, 25 September 2013 at 9.15am at Ngee Ann Polytechnic Convention Centre

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd

Skinner, B.F. (1974). About behaviorism. USA: Vintage Book.

Menjamin Kelas Berdasarkan Teori B.F Skinner URL: <https://unudb.wordpress.com/tag/teori-b-f-skinner>

